



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
18 September 2025



Dalam Negeri

Utusan Malaysia
KHAMIS • 18 SEPTEMBER 2025

7

NHCCE 2025 tampil sebagai pemacu revolusi modal insan Asean

Oleh NURUL IRDINA SUMALI
irdina.sumali@mediamalaysia.com.my

KUALA LUMPUR: Persidangan & Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2025 bakal kembali dengan skala lebih besar dan berimpak tinggi apabila berlangsung pada 6 hingga 8 Oktober ini di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur. Acara berprestij anjuran Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan sokongan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ini bakal menghimpunkan pemimpin industri, pakar antarabangsa serta penggiat sumber manusia dari serata dunia.

Dengan tema *Navigating Human Capital Revolution* atau Menerajui Revolusi Modal Insan, NHCCE 2025 memberi fokus terhadap keperluan organisasi dan ekonomi untuk terus beradaptasi, berinovasi dan berkembang maju dalam era perubahan teknologi, demografi serta tuntutan tenaga kerja global.

Sempena dengan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN pada tahun ini, HRD Corp turut mengunjurkan acara sepanjang tahun di peringkat Asean yang dikenali sebagai ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025, yang menjadikan NHCCE 2025 sebagai



salah satu platform utama di bawah AYOS 2025. Pengunjuran ini untuk memperkukuh kerjasama, merapatkan jurang kemahiran dan menggalakkan mobilitas bakat di peringkat serantau.

Antara tumpuan utama persidangan adalah pembangunan tenaga kerja masa depan, transformasi digital, ekonomi

hijau serta kepimpinan inklusif yang bakal membentuk landskap pekerjaan rantau ini.

Menurut HRD Corp, NHCCE tahun ini disusun berteraskan empat pilar utama iaitu tenaga kerja sedia masa depan, perniagaan dan ekonomi mampan, transformasi digital serta kepimpinan.

Topik perbincangan termasuk

Skills Without Borders: Bridging Gaps, Unlocking Potential; The Green Talent Economy: Creating Jobs for a Sustainable Future; The Rise of AI-Powered Workplaces: Reshaping the Way We Work; Tech-Driven Futures: Balancing Tech and Talent serta The Human Touch in the Age of AI.

Agenda persidangan selama tiga hari ini akan meliputi ucapan plenary, sesi panel, perbincangan meja bulat, *fireside chat* dan *pocket talk* yang memberi peluang peserta memperoleh pandangan strategik daripada pakar terkemuka dunia.

Antara barisan penceramah ialah ahli fizik terkenal dunia, Dr. Michio Kaku; pengasas Mindvalley, Vishen Lakhiani; bekas juara dunia skuasy, Datuk Nicol David; pakar strategi kepimpinan, Dr. Shadé Zahrai; serta legenda Formula Satu, David Coulthard.

Turut serta ialah tokoh korporat tanah air, Dato' Sri Idris Jala, wartawan pemenang anugerah Peabody, Mariana Atencio serta jurulatih kepimpinan dan konduktor orkestra, Jason Lai.

Selain sesi ilmiah, peserta berpeluang membina rangkaian kerjasama menerusi platform BizMatch, pameran interaktif dan pameran industri yang dijangka menarik ribuan pengunjung.

Persidangan ini turut

menyediakan ruang jaringan strategik antara pemimpin industri, pengamal modal insan, penggubal dasar dan pemain pasaran pekerjaan bagi memperkukuh daya saing modal insan rantau ini.

Dalam konteks ASEAN, NHCCE 2025 akan memberi tumpuan kepada usaha menutup jurang digital, mempromosikan kepelbagaian dan inklusiviti serta memperkukuh kemahiran hijau seiring dengan agenda kelestarian global.

HRD Corp menegaskan NHCCE bukan sekadar persidangan, tetapi merupakan platform rujukan serantau yang mendorong inovasi, memperkasa bakat dan memastikan ASEAN kekal di barisan hadapan revolusi modal insan dunia.

Tiket penyertaan ditawarkan dalam pelbagai pakej termasuk untuk pelajar, sektor kerajaan, kumpulan korporat serta peserta antarabangsa, bermula serendah RM850.

Selain itu, penajaan turut dibuka dengan nilai bermula RM100,000 yang memberi peluang kepada jenama korporat tampil lebih menonjol melalui slot ucapan, ruang pameran serta promosi media.

Pendaftaran kini dibuka dan maklumat lanjut boleh diperolehi di laman sesawang rasmi hrdcorp.gov.my/nhcce.

SINAR HARIAN • KHAMIS 18 SEPTEMBER 2025

15

NHCCE 2025 pacu kemahiran, inovasi dan kepimpinan di pentas ASEAN

Platform serantau untuk memperkukuh ekosistem kemahiran, pacu kemakmuran bersama



NHCCE 2025
PERSIDANGAN & PAMERAN
MODAL INSAN KEBANGSAAN

Platform utama pembangunan modal insan negara, Persidangan & Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2025 kembali lagi pada tahun ini dengan tema "Menerajui Revolusi Modal Insan".

Acara berprestij yang menghimpunkan pemimpin, pakar dan pengamal lokal serta seluruh dunia itu bakal berlangsung pada 6 hingga 8 Oktober ini bertempat di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

Program anjuran Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan sokongan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) itu mencerminkan keperluan mendesak organisasi dan ekonomi untuk menyesuaikan diri, berinovasi seterusnya berkembang maju dalam dunia yang berubah dengan pantas.

Menurut kenyataan HRD Corp, persidangan tersebut akan meneliti bagaimana perubahan pesat teknologi, tuntutan kelestarian, perubahan demografi dan mobiliti bakat rentas sempadan sedang mentakrifkan semula dunia pekerjaan.

"Sebagai salah satu platform utama di bawah Tahun Kemahiran ASEAN (AYOS) 2025 yang selaras dengan Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia, persidangan ini akan memberi tumpuan kepada perjalanan ASEAN dalam menangani cabaran seperti jurang infrastruktur dan penyertaan tenaga kerja, di samping merebut peluang dalam transformasi digital, mobiliti bakat serta kemahiran hijau.

"Ini menjadikan NHCCE 2025 bukan sahaja mercu tanda bagi Malaysia, tetapi juga sebuah platform serantau untuk memperkukuh ekosistem kemahiran sekali gus memacu kemakmuran bersama di seluruh Asia Tenggara," katanya.

NHCCE 2025 kali ini akan menampilkan barisan penceramah terkemuka, diterajui oleh ahli fizik yang juga futuris terkenal dunia, Dr Michio Kaku; Pengasas yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Mindvalley, Vishen



Antara peserta yang hadir pada penganjuran NHCCE 2024.

Lakhiani dan bekas pemandu F1 yang juga pemenang Grand Prix sebanyak 13 kali, David Coulthard.

Ia juga akan disertai oleh penerima anugerah Peabody yang juga wartawan, penulis dan hos televisyen, Mariana Atencio; Pengerusi PEMANDU Associates, Dato' Sri Idris Jala dan ikon skuasy negara, Datuk Nicol David.

Turut hadir, pendidik prestasi unggul kepada Fortune 500 dan pakar strategi kepimpinan, Dr Shadé Zahral dan jurulatih kepimpinan yang juga konduktor orkestra, Jason Lai bersama ramai lagi penceramah, ahli panel dan moderator tersohor.

Nama-nama berkenaan akan membincangkan strategi untuk mengemudi revolusi modal insan, bermula daripada membina tenaga kerja bersedia masa depan hingga memacu transformasi digital, perniagaan mampan dan kepimpinan inklusif.

Mengulas lanjut, HRD Corp memberitahu, para delegasi akan mendapat manfaat daripada jaringan rangkaian BizMatch, pameran interaktif, sesi fireside chat dan pocket talk yang menawarkan instrument praktikal, kajian kes dunia sebenar serta peluang kerjasama merentasi industri.

"Ketika industri terus berubah di bawah pengaruh kecerdasan buatan (AI), NHCCE 2025 komited menekankan peranan utama modal insan dalam memacu kemajuan ekonomi.

"Menerusi pendigitalan dan ekonomi hijau, persidangan itu akan menyediakan platform untuk pertukaran ilmu dan kerjasama bagi memastikan Malaysia dan ASEAN kekal di barisan hadapan revolusi modal insan," tambahna.

Pendaftaran untuk NHCCE 2025 kini dibuka. Untuk maklumat lanjut atau memuat turun brosur persidangan, sila layari hrdcorp.gov.my/nhcce.

Untuk rekod, HRD Corp merupakan

HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan dan pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM).

Tanggungjawab tersebut merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula, peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih demi menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Usaha berkenaan memastikan tenaga kerja tempatan kekal berdaya saing, di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan dalam negara, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.



BARISAN PENCERAMAH DAN MODERATOR

 Dr. Michio Kaku Fisikawan terkenal, penulis, dan futuris.	 Vishen Lakhiani Penerbit, penulis, dan pakar motivasi.	 David Coulthard Pemandu F1 terkenal.	 Mariana Atencio Penerima anugerah Peabody.
 Dato' Sri Idris Jala Penerima anugerah Peabody.	 Nicol David Ikon skuasy negara.	 Jason Lai Konduktor orkestra.	 Shadé Zahral Jurulatih kepimpinan.
 Emma Wang Pakar strategi.	 Rachel Lim Pakar strategi.	 Vishen Lakhiani Penerbit, penulis, dan pakar motivasi.	 Crystal Lim-Lee Pakar strategi.
 Shadé Zahral Jurulatih kepimpinan.	 Jason Lai Konduktor orkestra.	 Nicol David Ikon skuasy negara.	 Mariana Atencio Penerima anugerah Peabody.
 Vishen Lakhiani Penerbit, penulis, dan pakar motivasi.	 David Coulthard Pemandu F1 terkenal.	 Emma Wang Pakar strategi.	 Rachel Lim Pakar strategi.

DAFTAR SEKARANG hrdcorp.gov.my/nhcce

Antara barisan penceramah terkemuka yang akan membincangkan strategi untuk mengemudi revolusi modal insan sempena NHCCE 2025.